

**NILAI KEPIMPINAN PEMBESAR EMPAYAR MELAYU MELAKA  
KAJIAN BERASASKAN TEKS *SULALATUS SALATIN*  
LEADERSHIP VALUES OF MALAY MALACCA: AN ANALYSIS BASED  
ON THE TEXT OF *SULALATUS SALATIN***

*Maryam Syafiqha Mohd Sayuti\**

*Jamilah Omar*

Institut Peradaban Melayu,

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak Malaysia.

\*maryamsayuti@gmail.com

**ABSTRAK**

Kajian ini menganalisis nilai-nilai murni yang berfokus kepada nilai kepimpinan yang dimiliki oleh pembesar-pembesar Melaka berasaskan teks *Sulalatus Salatin*. Tiga objektif yang telah ditetapkan iaitu mengenalpasti sejauh mana nilai kepimpinan yang diterapkan mampu meninggalkan kesan yang mendalam dalam teks *Sejarah Melayu*, menganalisis nilai-nilai kepimpinan yang dinyatakan dalam teks *Sulalatus Salatin* dan mengkaji peranan nilai-nilai kepimpinan dalam mempertingkatkan modal insan menerusi pembacaan secara teliti teks *Sulalatus Salatin*. Perbincangan dalam kajian ini akan tertumpu kepada nilai-nilai kepimpinan yang dimiliki oleh beberapa pembesar dalam karya agung *Sulalatus Salatin* serta dikaitkan dengan pemerintahan masa kini bagi membangunkan negara bangsa. Seperti yang diketahui, masyarakat Melayu pada zaman dahulu memegang konsep tidak akan menderhaka kepada raja. Tidak kurangnya ketaatan rakyat kepada pembesar amatlah penting. Justeru, golongan pembesar ini dapat mengukuhkan kedudukan dan kekuasaan mereka. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kepustakaan sepenuhnya iaitu menjadikan buku-buku, jurnal, artikel dan yang paling utamalah adalah teks

Sulalatus Salatin. Amat penting bagi kajian ini melihat kembali ciri-ciri kepimpinan yang ada pada pembesar pada zaman Melayu Melaka agar masyarakat tidak memandang rendah terhadap kepimpinan terdahulu. Ciri-ciri ini sangat penting menjadi penanda aras bagi pembesar yang dapat mentadbir degan baik dan akan mewujudkan rasa taat dan setia rakyat kepada raja yang menjadikan empayar Melaka sentiasa kukuh dan digeruni oleh musuhnya. Ciri-ciri kepimpinan yang diperlihatkan dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai iktibar dan panduan dalam melahirkan modal insan yang taat dan setia kepada pemerintah.

Kata Kunci: Nilai Kepimpinan, Modal Insan, Sulalatus Salatin, pembesar

### **ABSTRACT**

*This research will analyse values and focusing on leadership values owned by the Malacca authorities based on Sulalatus Salatin text. Three objectives have been determine which is identify the leadership value applied by Malacca authorities on Sulalatus Salatin, analyse the leadership values highlighted on Sulalatus Salatin text and study the role of internal leadership values enhance human capital through the reading Sulalatus Salatin text. The discussion will focus on leadership values possessed by some great leaders in Sulalatus Salatin and associated with the current rule of developing nations. As is known, the Malay community in the past held the concept would not disobey the king even to the magnifiers is also important. Thus, these nobles can strengthen their position and power. This study is carried out using the library research method using books, journals, articles and most importantly the Sulalatus Salatin text. Through this research, the characteristics of leadership that existed on the magnates in Malaccan Malay can be used as examples in the future. So, the new leader will not underestimate the previous leadership. These characteristics are very important to be the benchmarks for magnifying those who can govern well and loyalty. The loyalty makes Malacca empirer always strong and feared by his enemies. Leadership characteristics*

*presented in this study can be used as a guide and guidance in generating loyal and loyal human capital to the government.*

*Keywords: Leadership Value, Human Capital, Sulalatus Salatin, magnifier*

## **PENGENALAN**

Kesusasteraan adalah satu cabang kesenian yang membawa maksud satu hasil ciptaan atau karya yang telah dihasilkan melalui bentuk lisan atau tulisan yang mengandungi unsur-unsur keindahan. Oleh itu, kesusasteraan ini dianggap sebagai sesuatu yang oenting dalam kehidupan bermasyarakat kerana pelbagai unsur keindahan dan diselitka degan pengajaran yang dapat memberikan kesan yang mendalam kepada diri pembaca dan juga masyarakat. Teks Sulalatus Salatin merupakan sebuah teks sastera sejarah. Sastera sejarah begitu banyak dimasukkan dengan pelbagai unsur untuk mendapat gambaran kerajaan masa silam dengan ditambahkan dengan lagenda dan mitos yang dikombinasikan dengan isi serta fakta. Walau bagaimanapun, sastera sejarah dianggap sebagai satu sastera yang penting dan tinggi nilainya kerana tulisannya yang mengandungi unsur-unsur sejarah yang ditulisa dengan gaya yang menarik dan cenderung ke arah gaya sastera. (Mohd Rashid, 2014: 35).

*Sejarah Melayu* memperlihatkan kemunculan Negeri Melaka, seterusnya tahap kemuncak Negeri Melaka dan disudahi dengan zaman keruntuhannya Negari Melaka. Menurut Mohd Rashid (2014: 36), sastera Sejarah Melayu turut membincangkan tentang budaya keagungan dan kebesaran bagi pemerintahan negara. Cara budaya berkerajaan, iaitu memperihalkan tanggungjawab pembesar diceritakan dengan begitu telitu. Sastera Sejarah Melayu turut menggambarkan budaya tentang wira dan hulubalangny, ini kerana wira dan hulubalang turut menjadi komponen penting dalam tunggak kekuatan dalam sesebuah negara. Walaupun Sejarah Melayu bercampur baur dengan unsur mitors dan lagenda, unsur sejarah tetap menjadi bahagian utama dalam penceritaan dengan menggambarkan budaya orang Melayu,

undang-undang dan adat istiadat yang dijalankan pada suatu ketika dahulu.

Menurut Mohd Rashid (2014: 34), teks *Sulalatus Salatin* adalah hasil kepengarangan Tun Seri Lanang. Meskipun terdapat banyak pandangan yang menyatakan berkaitan dengan kedudukannya sebagai pengarang yang turut digelar sebagai pengumpul, penyusun, penyunting dan penyelenggara, Tun Seri Lanang tetapi dipersetujui sebagai orang yang bertanggungjawab dalam merealisasikan kehendak sultan dalam suatu majlis di hadapan pembesar negeri dengan menyatakan hasrat beliau untuk menceritakan kerajaanya itu dalam sebuah buku yang boleh dijadikan panduan dan tunjuk ajar kepada generasi akan datang dengan sejarah yang begitu agong. Oleh yang demikian, Tun Seri Lanang seorang yang telah dipertanggungjawab untuk menulis segala selok belok perlakuan dan tatatertib serta percakapan dalam istana di catatkan dalam sebuah buku yang berjudul *Sulalatus Salatin*. Nama sebenar Tun Seri Lanang adalah Tun Muhammad, iaitu seorang yang berjawatan Bendahara. Oleh itu, tidak hairanlah jika Tun Seri Lanang dapat menceritakan segalanya dengan baik dan lancar kerana Tun Seri Lanang juga merupakan seseorang yang berjiwa dan di kalangan orang istana.

Oleh yang demikian, pembangunan modal insan dapat dilihat dari sudut rilmu iaitu bagaimana kepentingan ilmu dalam memartabatkan diri setiap insan. Ia akan memperlihatkan disiplin ilmu berupaya membina rupa masyarakat dengan mengagungkan Melaka sebagai sebuah kerajaan ternama dalam *Sulalatus Salatin* dan memperihalkan tradisi ilmu yang melingkupi segenap ciri budaya, adab dan adat istiadat Melayu. Malah banyak memperihalkan kepentingan ilmu yang terkait dengan penceritaan seperti nilai kepimpinan yang ditonjolkan oleh watak-watak Sultan, Bendahara dan juga pembesarpembesar lain, keilmuan yang diperkasakan melibatkan ketaatan dan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan Melaka. Oleh yang demikian, kajian ini akan memperlihatkan unsur jati diri seperti daulat, dehaka, ketaatan, keberanian, kepahlawanan, cinta akan tanah air, ketinggian budi pekerti, kemuliaan sifat dan kepimpinan terpancar dalam *Sulalatus*

Salatin. Dalam teks Sulalatus Salatin, terdapat beberapa pemimpin yang mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi seperti Sultan Alaudin, Bendahara Tun Perak, Laksamana Hang Tuah, Bendahara Tun Ali, Sultan Mansur Shah, dan Bendahara Tun Mutahir.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini lebih berfokus kepada perkara-perkara yang akan dibincangkan berkaitan dengan kajian. Berdasarkan kajian ini, terdapat tiga objektif yang digariskan, iaitu:

1. Menenalpasti sejauh mana nilai kepimpinan yang diterapkan oleh pengarang meninggalkan kesan yang mendalam menerusi Sejarah Melayu
2. Menganalisis nilai-nilai kepimpinan yang ingin disampaikan oleh pengarang
3. Mengkaji peranan nilai-nilai kepimpinan di dalam meningkatkan modal insan menerusi Sejarah Melayu

## **METADOLOGI KAJIAN**

Dalam penulisan ini, kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks bagi mengenal pasti nilai kepemimpinan dalam pemerintah kerajaan dalam naskhah Sulalat al-Salatin, seterusnya menghuraikan keberkesanan nilai kepimpinan tersebut terhadap kerajaan berkenaan dalam melangsungkan dan mengukuhkan Melaka. Terdapat tiga tahap tatacara kajian yang dirancang dalam mengemukakan penulisan ini, iaitu pengumpulan data, penganalisisan data, dan rumusan. Pada tahap pengumpulan data, penulis akan mengenal pasti naskhah Melayu yang bersesuaian dengan objektif kajian. Setiap pembacaan terhadap kandungan naskhah akan diteliti dan dicatat, terutamanya maklumat yang membincangkan topik kajian. Sementara itu, pada tahap penganalisisan data, perkara yang ditumpukan ialah berkenaan maklumat yang diperolehi daripada tahap pertama dan akan digunakan sebagai bahan perbincangan untuk menganalisis

dapatan kajian. Hasil daripada analisis data tersebut, satu rumusan dapatan akan dilakukan untuk menghuraikan nilai-nilai kepimpinan pembesar semasa pemerintahan kesultanan Melayu.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Pemimpin merupakan ketua atau peneraju dalam sesebuah institusi baik sebuah institusi yang besar mahupun kecil di mana terdapat golongan yang dipimpin dibawahnya. Kebiasaannya, pemimpin adalah seseroang yang mempunyai tanggungjawab dalam menguruskan dan mentadbir sesuatu organisasi dalam pelbagai hal. Pemimpin juga memainkan peranan penting dalam membawa sesuatu organisasi atau institusi mengikut hala tuju yang dikehendaki. Pemimpin akan melihat sesebuah organisasi dengan perspektif yang lebih luas, menilai kesannya serta berusaha untuk mengemblingkan pengaruh melalui kepelbagaian kemahiran, ilmu dan kepakaran supaya apa yang hendak dilakukan memperoleh persetujuan semua para pemimpin atau pembesar.

Sebagai seorang pemimpin, mereka seharusnya merupakan 'role model' atau ikutan setiap pengikutnya. Sebagai seorang pemimpin, secara amnya pemimpin berada pada kedudukan yang paling tinggi dalam organisasi tersebut dan dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, mengurus, melaksana, memantau dan memastikan pentadbiran mereka sentiasa lancar dan berjaya. Namun begitu, keberkesanan pentadbiran seseorang pemimpin adalah tertakluk kepada cara perlaksanaan atau cara kerja orang dipimpinnnya. Dengan itu, untuk memastikan sesebuah organisasi bergerak dengan dinamik seseorang pemimpin haruslah mempunyai nilai-nilai yang tertentu bagi memberikan kualiti yang positif terhadap pentadbiran.

Oleh yang demikian, dalam sebuah teks Sulalatus Salatin sudah semestinya raja, bendahara, penghulu bendahari, temenggung dan laksamana begitu penting dalam sebuah pentadbiran. Barisan-barisan pemimpin ini merupakan penggerak kepada sejarah Melaka yang begitu agung di mata dunia. Oleh yang

demikian, istilah raja, bendahara, penghulu bendahari, temenggung dan laksamana diperjelaskan seperti yang berikut:

#### a. Raja/Sultan

Ketua negara dan pemerintah tertinggi bagi sesuatu negara yang tidak boleh diganggu-gugat dan mempunyai kuasa autoriti. Sultan atau raja merupakan pemerintah yang mengepalai segala aspek pemerintahan dalam sesebuah negara. Sultan bertindak sebagai penyelaras semua kegiatan ekonomi negara dan menjadi lambing perpaduan rakyat. Selain itu, sultan juga mengetuai hubungan diplomatic dengan negara-negara luar dan bertanggungjawab sebagai ketua agama Islam serta adat istiadat Melayu. Seterusnya, sultan adalah ketua angkatan tentera dan berkuasa untuk melantik pembesar negeri.

#### b. Bendahara

Bendahara merupakan pembesar negeri yang paling kanan serta mempunyai kuasa mentadbir yang meliputi seluruh negari. Bendahara merupakan orang yang kedua berkuasa selepas sultan. Seseorang bendahara memiliki kuasa kepimpinan yang terbesar dalam hierarki pentadbiran. Ia juga berfungsi sebagai penasihat utama dan pengendali peribadi raja. Sewaktu ketiadaan raja, Bendahara akan berfungsi sebagai wakil raja atau pemangku raja. Bendahara akan mengetuai pentadbiran kerajaan dan semua pegawai-pegawai di kerajaan adalah di bawah kawalannya. Peranan Bendahara juga sebagai ketua pentadbiran kerajaan, penasihat raja dalam segala hal. Bendahara juga merupakan ketua turus angkatan tentera semasa peperangan. Bendahara juga bertanggungjawab dalam menasihati raja bagi menjatuhkan hukuman kepada mana-mana pesalah kecuali hukuman mati. Bendahara turut ditugaskan untuk melantik bakal sultan dalam menaiki takhta. Manakala dalam adat istiadat di istana, bendahara turut berperanan penting sebagai ketua adat istiadat serta penjaga alat sepanjang majlis adat istiadat dijalankan seperti majlis naik takhta. Bendahara juga mempunyai

gelaran-gelaran tertentu seperti Sri Wak Raja dan Sri Paduka Raja. Seperti dalam teks *Sulalatus Salatin*, Bendahara Melaka iaitu Tun Perak turut mendapat gelaran Paduka Raja Tun Perak.

#### c. Penghulu Bendahari

Penghulu Bendahari mempunyai fungsi yang sama seperti menteri kewangan pada hari ini. Jawatan ini merupakan jawatan kedua penting selepas bendahara dalam majlis tertinggi. Peranan penghulu bendahari ialah menjadi ketua adat istiadat dan acara rasmi, ketua kepada syahbandar yang terdapat di Melaka juga mengendalikan hamba-hamba raja. Penghulu Bendahari juga berperanan dalam bidang ketenteraan kerana sebagai seorang pemimpin penghulu bendahari harus pintar dalam selok belok ilmu peperangan khususnya. Penghulu Bendahari juga bertugas memungut cukai dan menjaga harta benda raja serta bangunan istana.

#### d. Temenggung

Jawatan temenggung boleh diibaratkan seperti jawatan ketua polis negara pada masa hari ini. Temenggung bertanggungjawab dalam hal ehwal awam dalam bidang ketenteraan. Tugas penting temenggung ialah menjaga keamanan dan keselamatan dalam negeri. Peranan Temenggung ialah menyelesaikan kes-kes yang kecil dan memastikan undang-undang dijalankan dengan baik. Temenggung juga menjadi pengiring apabila sultan berangkat menaiki gajah, serta bertanggungjawab mengatur susunan tempat duduk menghadap sultan.

#### e. Laksamana

Laksamana bertugas dalam khusus ketenteraan dan dilantik daripada kalangan hulubalang. Tugas ini adalah penting kerana laksamana bertindak sebagai penjaga banteng pertahanan empayar Melaka. Laksamana berperanan sebagai penjaga perairan Melaka

dan mengetuai angkatan tentera untuk menjaga keamanan, keselamatan peribadi sultan dan bendahara, mengetuai urusan politik dan perdagangan ke luar negeri.

Oleh yang demikian, dengan adanya struktur pentadbiran Melaka yang begitu kukuh menyebabkan nilai-nilai kepimpinan dalam kesultanan Melaka. Secara amnya, kepemimpinan merupakan suatu proses pengaruh dan mempengaruhi antara pemimpin sesebuah kerajaan terhadap rakyatnya untuk bersamasama merealisasikan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan. Dalam sistem feudal, pemimpin ialah orang yang mempengaruhi dan rakyat ialah golongan yang mematuhi dan akur perintah. Hal mempengaruhi dan melakukan sesuatu dengan sukarela itu akan terjadi apabila seorang pemerintah berjaya menterjemahkan matlamat yang dirancang dalam bentuk interaksi dan tingkah laku. Kepemimpinan, menurut Abdullah dan Ainon (2005) ialah tingkah laku yang bertujuan untuk mempengaruhi orang lain supaya mereka sanggup dan dengan secara sukarela melakukan apa yang dikehendaki oleh orang yang memimpin. Manakala Peter G. Northouse (1997) menyatakan bahawa kepemimpinan ialah segala aktiviti yang mempengaruhi individu dalam kumpulan atau organisasi serta dapat membawa ke arah pencapaian sesuatu matlamat. Seterusnya, Edmond (1979) berpendapat bahawa situasi ini merupakan situasi *principals can make a difference*, yang membawa maksud bahawa sesebuah organisasi boleh dimajukan dan kemajuannya berpunca daripada kepemimpinan pihak pengurusan. Keupayaan memupuk kerjasama antara pengurusan dan pekerja (orang bawahan) dalam pelbagai aktiviti organisasi merupakan prasyarat penting kepada kepemimpinan berkesan.

Dalam membicarakan kepimpinan pemerintahan kesultanan Melayu adalah sangat wajar untuk meneliti naskhah agung Melayu lama, khususnya yang bergenre sastera historiografi sebagai bahan perbincangan. Kesesuaian perbincangan terhadap genre ini kerana iainya mempunyai pembuktian dan peristiwa lebih jelas. Walaupun genre ini ada kalanya bercampur baur dengan unsur mitos, namun mewujudkan unsur estetika yang dimiliki tetap dipamerkan dengan

baik. Oleh yang demikian, dalam perbincangan ini naskah yang akan digunakan adalah Sulalatus Salatin. Pemilihan bahan ini adalah berdasarkan sifatnya yang menepati ciri topik perbincangan. Sulalat al-Salatin sebuah naskah yang menceritakan kegemilangan kerajaan Melaka. Naskah ini acapkali dijadikan bahan rujukan dengan pelbagai sisi kajian yang berbeza. Misalnya kajian tentang Sulalat al-Salatin telah dilakukan oleh Abdur-Rahman Mohamed Amin pada 2015 dengan topik kajian beliau iaitu Sabda Nabi Muhammad Saw Dalam Sulalat UsSalatin (Sayings of Prophet Muhammad in Sulalat Us-Salatin). Norazimah Zakaria (2013) dalam kajian ijazah kedoktoran beliau yang berjudul Melihat Peranan Pengarang dalam Teks Hikayat Melayu atau Sejarah Melayu 'Long Version' Versi Tengku Said dan beberapa kajian lain melibatkan teks agung ini sebagai bahan utama perbincangan. Oleh yang demikian, dalam kajian ini teks Sulalatus Salatin akan dijadikan sumber sekunder bagi memperjelaskan ciri-ciri kepimpinan yang dimiliki oleh Bendahara Seri Paduka Tun Perak.

Beberapa nilai kepimpinan perlu digunakan dan diterapkan dalam diri seorang pemimpin untuk melaksanakan tugas dengan baik. Oleh itu, nilai kepimpinan yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin adalah:

#### a. Amanah dan Jujur

Seorang pemimpin yang baik haruslah mempunyai sikap amanah dan jujur agar pemimpin tersebut dapat mengelak daripada melakukan sesuatu perkara yang bersifat negatif dalam sesebuah pentadbiran. Semua tugas pentadbiran akan dilaksanakan dengan baik tanpa berlaku sebarang masalah.

#### b. Bertanggungjawab

Nilai bertanggungjawab harus ada dalam diri seorang pemimpin bagi menjalankan kepimpinannya dengan telus. Sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab, pemimpin tersebut akan sentiasa bertanggungjawab ke atas tindakan dan keputusan yang

diambil dalam sesebuah pentadbiran. Nilai bertanggungjawab amat penting dalam kehidupan khususnya pemimpin bagi melaksanakan tugasnya dengan sempurna.

#### c. Bersih

Bersih yang dimaksudkan adalah sangat berkait rapat dengan nilai murni seperti tidak tamak, tiada hasad dengki, khianat, dendam dan segala sifat negative dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin. Bersih dari aspek fizikal adalah dapat dilihat melalui kebersihan pada pakaian, persekitaran mahupun pemilikan harta secara sah oleh seorang pemimpin.

#### d. Bekerjasama

Bekerjasama di antara pemimpin akan menghasilkan kerja dan organisasi yang bermutu. Nilai kerjasama perlu ada dalam sanubari seorang pemimpin. Dengan mengamalkan sikap kerjasama antara pemimpin dan pengikut, pemimpin akan sentiasa disegani dan mudah untuk melaksanakan tugas sebagai seorang pemimpin.

#### e. Berdisiplin

Nilai disiplin adalah suatu nilai yang sangat sinonim dengan kepimpinan. Tonggak kejayaan sesebuah organisasi akan terus berjaya berlandaskan kepada sikap disiplin yang dimiliki oleh seorang pemimpin. Patuh dan mengamalkan secara berterusan segala araha, peraturan dan ketetapan yang dikenakan oleh sesuatu organisasi. Perkara ini dikenali sebagai disiplin dan pemimpin yang berdisiplin pasti akan melakar sejarah yang disanjung tinggi seperti yang berlaku pada zaman kegemilangan Melaka.

Oleh yang demikian, jelas kepimpinan adalah melihat kepada sesuatu perilaku dan pemikiran yang ada pada seseorang raja dan pembesar sebagai pemerintah dan pentadbir kerajaan. Selain idari keagungan nasab tersebut, kelebihan pakaian dan kesaktian ciri-ciri kepimpinan ini menjadi sebagai acuan yang

penting kejayaan dan kegagalan kepimpinan dalam pentadbiran negeri. Ciri-ciri kepimpinan ini bukan sahaja dipaparkan dalam teks Sulalatus Salatin malah ditonjolkan dalam karya tradisional Melayu lain seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Merong Mahawangsa Hikayat Raja-raja Pasai dan beberapa buah karya agung yang lain. Hikayat-hikayat ini begitu banyak memaparkan ciri-ciri kepimpinan dalam mengurus dan mentadbir sesebuah pemerintahan itu. Dalam menganalisis nilai kepimpinan ini yang terdapat dalam Sulalatus Salatin adalah:

### 1. Pemimpin Hendaklah Menjalankan Hubungan Diplomatik dengan Cermat

Hubungan diplomatik dengan negara luar amatlah penting untuk sesebuah negara. Layanan terhadap utusan-utusan dari negara luar perlu dilakukan dengan baik dan juga utusan itu hendaklah tidak dilayan dengan kasar kerana ini mungkin menimbulkan kesan terhadap hubungan diplomatik antara dua negara. Pemimpin harus bertindak bijak dalam menerima dan menguruskan setiap urusan yang diterima dari negara luar. Dalam teks Sulalatus Salatin, kes 'tartak dan menorah kepala budak' di Singapura telah berlakunya serangan oleh Majapahit ke atas Singapura kerana Raja Singapura melayan utusannya secara kasar dan menghina Raja Majapahit dengan bertindak melakukan sedemikian terhadap utusan yang telah disampaikan oleh Majapahit. Secara langsung menyebabkan Raja Majapahit begitu marah dan murka terhadap tindakan dan layanan yang diberikan oleh Raja Singapura yang menyebabkan Majapahit telah menyerang Singapura. Petikan di bawah menunjukkan bukti kepada peristiwa tersebut:

...Ibarat kehendak Betara Majapahit itu. Fikir baginda, "Dipertidaknya lelaki kita oleh Betara Majapahit itu, kita dikirimnya subang."...Maka titah baginda kepada utusan, "Tiada kita ajaib akan tatal ditarah diperbuat subang itu, kita terlebih pula pandai tukang, kepada kepala orang yang dapat ditarahnya"...Maka sembah utusan itu,

“Jangan duli tuanku salah terupa akan paduka anakanda, kalau ada ke bawah duli tuanku pandai yang begitu.”

...Maka baginda pun menyuruh memanggil seorang pandai, Cedun Pawang Antan namanya, anak cucu Rangga Rajna, tukang raja Blntan. Setelah itu datang, maka disuruh baginda ambil budak baharu duduk mentimun, disuruh baginda tarah, kepalanya di ribaan emaknya. Titah baginda, “Tarah olehmu budak itu, biar habis rambutnya jangan diberi luka; jikalau luka atau garis engkau aku bunuh.”

Maka Pawang Antan pun menyembah lalu ditarahnya dengan beliung kalang, mak kepada budak itu liuk ke kiri, liuk ke kanan, ditarahnya juga tiada berhenti. Maka budak itu pun tidur, rambutnya habis licin; janganlah luka, garis pun tiada.

*(Sejarah Melayu, 2010: 46)*

#### 1. Seorang pemimpin atau raja perlu menyiasat aduan dengan teliti

Pemimpin atau raja perlu menyiasat setiap aduan dari pembesar atau rakyat dengan teliti sebelum menjatuhkan sesuatu hukuman. Kecuaian akan menyebabkan golongan yang tidak bersalah dizalimi. Ini menyebabkan rasa marah seterusnya akan bertindak menentang raja. Sebagai contoh, Sang Rajuna Tapa telah menentang Raja Iskandar Syah kerana anaknya difitnah dan dihukum oleh raja tersebut. Akibat daripada kejadian itu telah menyebabkan Sang Rajuna Tapa telah bertindak menentang raja dan berpakat dengan Majapahit yang telah menyerang Singapura. Oleh yang demikian, disebabkan sikap seorang pemimpin yang tidak menyiasat dengan teliti dan bertindak secara melulu telah menyebabkan Singapura telah diserang oleh Majapahit. Petikan di bawah menunjukkan bukti kepada peristiwa tersebut:

...Sebermula ada seorang bendahari Raja Iskandar Syah, Sang Rajuna Tapa namanya; asalnya orang Singapura ada dengan pedayangan Palembang beranak seroang perempuan, terlalu baik rupanya; dipakai oleh Raja Iskandar Syah, terlalu kasih baginda. Maka oleh gundik-gundik yang lain difitnahkan berbuat jahat. Maka Raja Iskandar Syah pun terlalu sangat murka, lalu disuruh baginda pencanggaikan di hujung pasar. Maka Sang Rajuna Tapa pun terlalu amat malu melihat anaknya itu. Maka katanya, "Jika singgah sekalipun anak hamba berbuat jahat, bunuhlah ia; mengapakah diberi malu demikian?" Hata, maka Sang Rajuna Tapa pun berkirim surat ke Majapahit, demikian bunyinya, "Sang Rajuna Tapa. Bendahari Raja Singapura empunya sembah kepada Betara Majapahit, jikalau Betara hendak mengalahkan Singapura, segeralah datang; Hamba ada belot dalam negeri." Setelah Betara Majapahit mendengar bunyi surat bendahari Singapura itu, maka baginda pun segera mengarahkan berleengkap tiga ratus jong, lain daripada bantin dan jongkong, kelulos, tiada berbilang lagi; dua keti rakyat Jawa yang pergi itu.

*(Sejarah Melayu, 2010: 69)*

Selain daripada itu, terdapat satu lagi peristiwa yang telah berlaku di mana seorang raja atau pemimpin yang telah mengambil tindakan secara terburu-buru tanpa membuat sebarang siasatan terlebih dahulu. Sebagai contoh ialah, semasa kes pembubuhan Tuan Jana Khatib di Singapura menunjukkan sikap terburu-buru tanpa usul periksa. Raja telah membuat keputusan yang tidak sepatutnya. Kesan daripada kejadian itu, Singapura telah dilanggar todak dan beribu-ribu pengikutnya telah terbunuh akibat kesilapan raja. Ini menunjukkan tindakan raja atau pemimpin dalam mengambil tindakan tanpa berfikir dahulu telah menyebabkan kesan buruk terhadap seluruh masyarakat. Petikan di bawah menunjukkan bukti kepada peristiwa tersebut:

...Setelah dilihat oleh Paduka Seri Maharaja perihal itu maka baginda pun terlalu murka; titah baginda, “Lihatlah kelakuan Tuan Jana Khatib, diketahuinya isteri kita ada di pintu maka ia menunjukkan ilmunya. “Maka disuruh baginda bunuh; Tuan Jana Khatib pun dibawa orang akan dibunuh, Hampir ujung negeri tempat orang membuat bikang; di sanalah ia ditikam orang. Maka titik darahnya setitik, badannya pun ghaiblah. Orang yang membunuh itu pun kembalilah, dipersembahkannya kepada raja. Maka oleh perempuan yang membuat bikan itu, darah Tuan Jana Khatib yang titik itu ditutupnya dengan tudung bikangnya. Dengan berkat darah wali Allah, perepmpun itu menjadi kayalah dari harga bikangnya, tutup bikang pun menjadi batu, ada sekarang di Singapura.

*(Sejarah Melayu, 2010: 67)*

## 2. Pemimpin Perlu Kuat dan Berani

Seorang pemimpin dan raja tidak boleh dipilih di kalangan yang lemah. Raja yang lemah akan menyebabkan beliau senang untuk dimanipulasikan oleh pihak lain yang tidak bertanggungjawab. Sebagai contoh, dalam teks Sulalatus Salatin, Raja Ibrahim pada ketika itu masih seorang kanak-kanak telah menjadi boneka kepada Raja Rekan di Melaka. Seperti yang tercatat dalam teks Sulalatus Salatin, Raja Ibrahim atau Sultan Abu Syahid telah mati dibunuh oleh Raja Rekan, peristiwa dan kisah ini dapat dilihat dalam Sulalatus Salatin seperti perikan di bawah:

..Jenazah Sultan Muhammad Syah dinaikkan ke atas perarakan lalu ditabalkan; sudah itu maka Raja Ibrahim oula ditabalkan. Setelah sudah maka jenazah diarak ke masjid dengan alat pawai dan bunyibunyan. Pertama berjalan dahulu dian; sudah itu, orang menyelarupai kain; sudah itu perasapan; sudah itu orang menyelarupai tetarupan; sudah itu maka perarakan keranda. Setelah

datang ke masjid, disembahyangkan di sana. Setelah itu maka anakanda baginda, Raja Ibrahim kerajaan menggantikan ayahanda baginda, gelar baginda Sultan Abu Syahid. Tetapi baginda Raja Ibrahim itu budak, tiada ia hiraukan kerajaan; tiada lain pekerjaan baginda melainkan bermain bantak samasama dengan budak-budak banyak; itulah dibuat orang nyanyi:

Mana Sultan Abu Syahid, Budak-budak bermain bantak;  
Tuan seorang dip an dang baik. Bagai cincin kena  
pennata.

*(Sejarah Melayu, 2010: 63-64).*

Selain itu, raja dan pemimpin yang kuat ialah semasa pemerintahan Sulyan Mansor Syah, di mana raja telah berhasrat untuk memperluaskan tanah jajahan beliau. Baginda telah mengutuskan semua pembesar dan hulubalang yang terdiri daripada Paduka Raja, hulubalang, Tun Pikrama, Tun Menteri dan Seri Bija Diraja (Datuk Bongkon) ke Pahang. Dalam peperangan ini, Pahang telah berjaya dikalahkan oleh Melaka. Maharaja Dewa Sura telah ditangkap oleh Seri Bija Diraja dan dibawa ke Melaka manakala anak Maharaja Dewa Sura, Puteri Wanag Seri telag dikahwini oleh Sultan Mansor Syah. Jelas disini menunjukkan bahawa kekuatan raja dan pemimpin iaitu Sultan Mansor Syah dalam mengalahkan kerajaan Pahang.

Petikan di bawah menunjukkan bukti:

...maka terlalu rasanya baginda ingin; maka baginda menitahkan Bendahara Paduka Raja menyerang Indera Pura, ia membawa kelengkapan dua ratus. Adalah dititahkan baginda yang pergi bersama-sama: pertama Tun Pikrama, dan Tun Wijaya Maha Menteri, dan Seri Bija Diraja dan Seri Bija Pikrama, dan Tun Sura Diraja, dan Tun Amar Diraja, dan Tun Bija Diraja, dan Seri Seri

Setia, dan Sang Naya, dan Sang Guna, dan Sang Jaya Pikrama dan Sang Aria, dan Sang Rakna Naya, dan Sang Sura Pahlawan dan Tun Bija Pikrama, Sekalian hulubalang itu pergi mengiringkan Bendahara Paduka Raja; maka Bendahara hulubalang itu pergi mengiringkan Bendahara Paduka Raja; maka Bendahara dengan segala hulubalang itu menjunjung duli Sultan Mansur Syah, lalu turun Pergi.

...beberapa lamanya dijalan maka sampailah ke negeri Indera Pura, maka orang Melaka pun berperanglah dengan orang Indera Pura, telalu ramai. Maka dengan takdir Allah taala, Tuhan yang maha kuasa melakukan kudrat-Nya atas HambaNya, maka dengan mudahnya juga Indera Pura pun alahlah. Maka orang Indera Pura pun larilah, ada yang seterigan tertawan, Maka Maharaja Dewa Sura pun berlepas lari ke hulu, dan anaknya perempuan seorang tinggal, Puteri Onang Sari namanya; baik rupanya, dapat oleh Bendahara dibawanya turun ke perahunya, dipeliharakannya dengan sepertinya.

*(Sejarah Melayu, 2010: 97)*

Seterusnya, sebagai seorang raja atau pemimpin mereka mestilah bersifat berani dalam membuat sesuatu tindakan mahupun keputusan. Oleh itu, dalam teks karya agung ini kepimpinan ini helas dapat ditonjolkan oleh Sultan Alaudin Riayat Syah kerana dengan tindakan yang berani di mana baginda telah membuat rondaan pada waktu malam di seluruh kawasan Melaka bagi menghapuskan kes kecurian dan rompakan yang telah berlaku semasa pemerintahannya. Dengan sifat berani dan tindakan yang telah dilakukan oleh baginda, Sultan Alaudin Riayat Syah telah berjaya mengejar dan membunuh beberapa orang pencuri yang telah dikesan. Akibat daripada tindakan yang berani itu, beliau begitu disegani oleh pengikut. Nilai kepimpinan ini harus ada dalam diri seorang pemimpin bagi menjamin kesejahteraan dan

kedamaian dalam sesebuah kerajaan. Oleh yang demikian, petikan di bawah menjelaskan keberanian yang ada dalam diri Sultan Alaudin Riayat Syah:

...sebermula maka tersebut dalam Melaka pencuri terlalu buas, orang kehilangan pun tiada berhenti lagi sentiasa malam. Setelah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah mendengar pencuri, terlalu ganas itu, maka baginda pun terlalu masyghul, setelah hari malam, maka baginda pun memakai cara pakaian si pencuri. Maka baginda berjalan menyamar, tiada membawa teman; hanya Hang Isap dibawa baginda beserta pergi itu.

....Maka Sultan Alau'd-Din Riayar Syah pun berjalanlah tiga orang dengan penjawat sirih santap baginda, berkeliling negeri Melaka itu, hendak melihat hal negeri itu. Setelah datang pada suatu tempat, maka baginda bertemu dengan pencuri lima orang; mengusung satu candu-peti dua orang, dan orang tiga orang lagi mengiringkan dia. Maka segera diusir baginda pencuri itu, setelah hampir maka pencuri itu pun terkejut.

*(Sejarah Melayu, 2010: 173)*

### 3. Pemimpin Tidak Bersifat Pilih Kasih

Sikap pilih kasih iaitu disifatkan sebagai mengutamakan keluarga atau orang yang tertentu dalam pemerintahan boleh mengundang bahaya kepada sesebuah kerajaan. Sultan Mansur Syah telah sanggup mengeluarkan anaknya sendiri Raja Muhammad ke Pahang setelah mendapat tahu tindakan Raja Muhammad membunuh Tun Besar iaitu anak kepada Bendahara Tun Perak. Tindakan bijak yang diambil oleh baginda ini dapat menyelamatkan keadaan huru hara yang berlaku di Melaka disebabkan tindakan Raja Muhammad itu. Sikap tidak pilih kasih seperti Sultan Mansur Syah ini amatlah perlu ada dalam setiap pemimpin untuk

membuktikan bahawa pemimpin tersebut melakukan sesuatu tindakan yang betul dan tepat bukan untuk memihak kepada anaknya sendiri. Oleh yang demikian, petikan di bawah menjelaskan sikap tidak pilih kasih yang diamalkan oleh Sultan Mansor Syah:

....Maka Sultan Mansur Syah pun memanggil Raja Muhammad; setelah datang baginda pun murka akan anakanda baginda Raja Muhammad, titah baginda, "Celaka si Muhammad ini. Hei Muhammad! Apatah dayaku engkau ditolak muka bumi Melaka!" Maka baginda pun menyuru memanggil Seri Bija Diraja Pahang. Maka Seri Bija Diraja pun datanglah. Maka Raja Muhammad pun diserahkan baginda kepada Seri Bija Diraja, disuruh rajakan di Pahang. Maka Tun Hamzah menantu Bendahara Seri Amar Diraja, digelar baginda Seri Amar Diraja juga. Maka diberikan baginda jadi Bendahara di Oahang, dan lain dari itu diberi baginda yang layak jadi Penggulu Bendahari, dan yang patut jadi Temenggung; dan anak Seri Bija Diraja seorang dijadikan hulubalang besar, bergelar Seri Akar Raja, dan anak tuantuan yang asal berasal, seratus orang lelaki, seratus orang perempuan. Maka dari Sedili Besar datang ke Terengganu dianugerahi baginda akan Raja Muhammad. Setelah sudah lengkap, maka Seri Bija Diraja pun kembali ke Pahang membawa Raja Muhammad.

*(Sejarah Melayu, 2010: 153)*

#### 4. Bijaksana dalam Pentadbiran Kerajaan

Seorang pemimpin seharusnya mempunyai kebijaksanaan dalam mentadbir dalam organisasi kerana adanya kebijaksanaan ini pemimpin itu akan dapat menyelesaikan sesuatu masalah itu dengan mudah. Dalam Sulalatus Salatin, dapat menjelaskan kebijaksanaan yang telah digambarkan oleh pemimpin iaitu Sultan

Muzaffar Syah yang mana sanggup menceraikan Tun Kudu bagi menyelamatkan keadaan dan mengembalikan perpaduan dalam kalangan-kalangan pembesar Melaka. Sebagai contoh dapat dilihat dalam petikan dibawah yang menunjukkan kebijaksanaan seorang pemimpin dalam menguruskan masalah yang dihadapi dalam pemerintahan tersebut:

...Maka titah baginda, “Maukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?” Maka sembah Seri Nara Diraja, “Mohon tuanku.” Maka baginda bertitah pula, “Maukah akan Tun Ratna Sandari, saudara sepupu kepada Paduka Raja?” Maka sembah Seri Nara Diraja, “Mohon patik tuanku.” Maka berapa orang anak Orang Besarbesar ditawarkan oleh Sultan Muzaffar Syah, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah baginda, “Maukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu?” Maka sembah Seri Nara Diraja, “Daulat tuanku.”

...bermula akan Tun Kudu itu anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja diperisteri oleh Sultan Muzaffar Syah, terlalu baik rupanya; tetapi matanya juling sedikit. Setelah didengar oleh Sultan Muzaffar Syah, Seri Nara Diraja mau akan Tun Kudu itu sesaat itu juga ditalak oleh baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja disuruh berhadir akan dikahwinkan dengan Seri Nara Diraja. Maka kata anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka daruk hendak beristeri, kerana datuk telah sudah tua, bulu mata dan bulu kening pun telah putih?” Maka kata Seri Nara Diraja, “Di mana kamu sekalian tahu, jikalau demikian sia-sialah yang dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.”

*(Sejarah Melayu, 2010: 93)*

## KESIMPULAN

Justeru, nilai kepimpinan yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* banyak dipaparkan dalam diri pemimpin. Banyak nilai kepimpinan yang telah diterapkan oleh pengarang dalam tes agung ini serta dapat memberikan kesan yang positif dan dapat membentuk pembangunan modal insan pada pembaca dan masyarakat. Kajian ini dapat sedikit sebanyak membantu dalam menerapkan nilai-nilai kepimpinan dalam kehidupan masyarakat hari ini kerana dengan adanya nilai tersebut akan menjadikan seseorang itu lebih bertanggungjawab dengan tugas mereka sebagai seorang pemimpin. Nilai kepimpinan menjadi asasutama dalam kehidupan masyarakat kerana boleh mendidik masyarakat tersebut melakukan sesuatu yang baik dan amanah dalam melakukan sebarang tanggungjawab. *Sulalatus Salatin* telah banyak menghuraikan dan menyampaikan nilai-nilai tersebut dengan peristiwa-peristiwa dan kisah-kisah yang dinyatakan oleh pengarang.

Pemimpin yang baik adalah pemimpin yang meletakkan dirinya dalam kalangan masyarakat dan yang pertama mencetus idea dalam usaha mempertahankan negara. Pemimpin yang mempunyai nilai-nilai kepimpinan sering mengeluarkan ideaidea baharu, kreatif dan dilaksanakan dengan cara mereka sendiri. Bagi menjadi seorang pemimpin yang dihormati, wajar untuk memiliki nilai-nilai kepimpinan yang berkualiti. Pemimpin sejati mempunyai bakat pemimpin yang lazimnya boleh dilihat oleh individu lain. Pemimpin yang baik akan sentiasa berfikiran jauh serta mempunyai visi dan prinsip yang kuat. Pemimpin sewajarnya mencerminkan ketokohan sebagai insan yang boleh melindungi rakyat atau pengikut.

## RUJUKAN

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2005). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

- Abdur-Rahman Mohamed Amin. (2015). `Sabda Nabi Muhammad Saw dalam *Sulalat Us-Salatin`*. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Bil. 8 (1), 45– 62.
- Abu Hassan Sham. (2001). `Bahasa, Kesusasteraan, Kesenian, Proses Sosialisasi dan Pembudayaan Masyarakat Melayu` Dalam Mohd Taib Osman (Ed.), *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2014). *Paparan Nilai Dalam Sistem Pemerintahan Melayu Menerusi Sejarah Melayu Dan Tuhfat Al-Nafis*. Jabatan Sejarah: Universiti Malaya.
- A.Samad Ahmad (Peny.). (2010). *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* (Edisi Kesepuluh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bustan al-Salatin* (Universiti Malaya, MS 41).
- Edmonds, R. (1979). *Effective Schools for the Urban Poor. Educational Leadership*, 36(1), 15-24.
- Ishak Mad. Shah. (2006). *Kepimpinan Dan Hubungan Interpersonal Dalam Organisasi*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Rashid Hj Md. Idris. (2014). *Karya Agong Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1992). *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia
- Peter Guy Northouse. (1997). *Leadership: theory and practice*. Thousand Oaks, Calif: Sage Publications.
- Salmah Jan. (2015). `Warkah Sebagai Medium Diplomatik Kesultanan Melayu Dalam Menjalankan Hubungan Dengan Kuasa Barat` . *Jurnal Melayu*. Bil. 14 (1), 136 – 148.